

(8) Dalalah (erti yang ditunjuki) matan hadits juga tidak jelas sebenarnya. Apakah ia bererti, yang membezakan orang-orang Islam daripada orang-orang musyrikin ialah orang-orang Islam memakai serban di atas songkok atau kopiah, sedangkan orang-orang musyrikin pula hanya memakai songkok sahaja atau serban sahaja?

Masalahnya ialah berapa ramai orang musyrikin atau orang kafir dalam dunia ini yang tidak memakai serban mahupun songkok? Dalam keadaan itu, adakah memakai songkok sahaja atau ketayap sahaja atau serban sahaja dikehendaki untuk membezakan orang-orang Islam daripada orang-orang musyrikin? Atau pun serban di atas songkok juga perlu dipakai walaupun dalam keadaan itu??

(9) Di mana dan bila sebenarnya arahan yang tersebut di dalam hadits itu harus diikuti? Adakah ketika orang-orang kafir memakai salah satu daripadanya? Bagaimana kalau mereka memakai serban di atas songkok atau kopiah? Siapakah akan menghalang mereka daripada memakainya? Atau perlukah ada mana-mana orang Islam menegurnya supaya tidak memakai serban di atas songkok atau kopiah kerana itu adalah pakaian khusus orang-orang lelaki Islam??

(10) Adakah apa yang terkandung di dalam hadits itu merupakan arahan yang harus diikuti oleh sekalian lelaki daripada umat Islam atau ia hanya sekadar menyatakan adat dan realiti masyarakat 'Arab semasa hayat Rasulullah s.a.w. Orang-orang Islam biasanya memakai serban di atas songkok, orang-orang musyrikin Mekah pula biasanya hanya memakai salah satu daripadanya? Inilah yang lebih munasabah dan lebih mudah diterima 'aqal.

Justeru tidak semua orang musyrikin atau orang kafir di dunia ini memakai serban sahaja atau songkok sahaja, baik di zaman moden ini atau di zaman Rasulullah s.a.w. dahulu. Alangkah ramai antara mereka yang langsung tidak memakai apa-apa pun di kepalanya. Kalau pun ada, maka bukan songkok, kopiah atau serban tetapi topi, terendak, cepiau atau lain-lain penutup kepala.

(11) Kalau bukan ada kaitannya dengan keugamaan, maka untuk apakah Nabi s.a.w. mengatakan begitu, tak kanlah semata-mata untuk menyatakan adat dan realiti dua kelompok masyarakat yang berbeza akidahnya di suatu tempat yang amat terhad? Bukankah ia akan menimbulkan kemusykilan di kalangan umat yang datang kemudian? Ucapan seperti itu tidak layak sama sekali keluar dari mulut seorang nabi lagi rasul.

(12) Ibnu al-Qayyim di dalam Zādul Ma'ad menulis, "Nabi s.a.w. selalu memakai serban di atas songkok. Selalu juga Baginda memakai songkok tanpa serban, dan selalu juga Baginda memakai serban tanpa songkok." Kalau begitu, tidak bererti lagi hadits yang dikemukakan sebagai contoh pertama di bawah Usul ke-67 ini.

(13) Pengarang Tuḥfaul Ahwādī menukilkan satu riwayat daripada al-Jāmi' as-Shaghīr yang berpunca daripada riwayat at-Thabaraani bahawa Ibnu 'Umar berkata, "Nabi s.a.w. selalu memakai songkok (/ kopiah) putih." Kata al-Azīzi isnadnya hasan.

Setelah itu beliau menukilkan pula riwayat ar-Rūyāni dan Ibnu 'Asākir daripada Ibnu 'Abbaas. Kata beliau (Ibnu 'Abbaas), "Nabi s.a.w. selalu memakai songkok di bawah serban dan tanpa serban, selalu juga memakai serban tanpa songkok. Nabi s.a.w. selalu memakai songkok Yaman iaitu songkok putih yang banyak jahitannya, dan Baginda juga memakai songkok bertelinga dalam perang. Kadang-kadang Baginda menanggalkan songkoknya dan dijadikannya sebagai sutrah di hadapannya ketika bersembahyang."

As-Suyuthi menilai hadits ini sebagai dha'if. Al-Albāni pula menilainya sebagai dha'if sangat. Biar apa pun, hadits ini juga menjadikan hadits yang dikemukakan sebagai contoh pertama di bawah Usul ke-67 ini tidak bererti lagi.

(14) Berbeza sekali hadits sangat dha'if yang dikemukakan sebagai contoh pertama itu dengan hadits-hadits lain yang sahih dan benar-benar membezakan umat Islam daripada orang-orang kafir dan orang-orang musyrik. Antaranya ialah dua hadits di bawah ini:

(i) Jabir bin 'Abdillah r.a. meriwayatkan, katanya, aku mendengar Nabi s.a.w. bersabda:

بَيْنَ الرَّجُلِ وَبَيْنَ الشِّرْكِ وَالْكُفْرِ تَرْكُ الصَّلَاةِ

Bermaksud: (Pemisah) Di antara seseorang dengan kesyirikan dan kekufuran adalah meninggalkan shalat. (Hadits riwayat Muslim, Ahmad, Ibnu Hibbaan, Abu Daud, Tirmidzi dan Ibnu Majah).

Bershalat atau tidak bershalat, itulah yang disebut oleh Rasulullah s.a.w. sebagai tanda pemisah dan pembeza di antara orang Islam dan bukan Islam. Tidak kira sama ada ia bersongkok, berkopiah, berserban atau pun tidak.

(ii) Anas bin Malik r.a. meriwayatkan bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda:

مَنْ صَلَّى صَلَاتَنَا وَاسْتَقْبَلَ قِبْلَتَنَا وَأَكَلَ ذَبِيحَتَنَا فَذَلِكَ الْمُسْلِمُ الَّذِي لَهُ ذِمَّةُ اللَّهِ وَذِمَّةُ رَسُولِهِ فَلَا تُخْفَرُوا اللَّهَ فِي ذِمَّتِهِ

Bermaksud: "Sesiapa bersembahyang seperti kita, menghadap ke arah qiblat kita (ketika bersembahyang dan lain-lain) dan memakan sembelihan kita, itulah dia muslim (orang Islam) yang mendapat jaminan perlindungan (daripada) Allah dan RasulNya. Oleh itu, janganlah kamu mencero bohi orang yang dijamin Allah (berada) dalam perlindunganNya." (Hadits riwayat Bukhari, an-Nasaa'i, al-Baihaqi dan at-Thabaraani).

Apa yang tersebut di dalam dua hadits di atas adalah sebahagian daripada pembeza dan pemisah sebenar di antara orang Islam dan bukan Islam. Tidak patut songkok, kopiah atau serban menjadi pemisahannya, kerana ia juga dipakai oleh bukan Islam di sesetengah tempat.

Sebabnya Nabi s.a.w. menyebutkan secara khusus tiga perkara itu di dalam hadits di atas, padahal terdapat banyak lagi rukun-rukun dan ajaran-ajaran agama Islam yang lain ialah kerana ia paling nyata, besar dan mudah dikesan. Pada hari pertama pertemuan anda dengan seseorang lagi dapat anda ketahui sama ada dia bershalat atau tidak dan apakah pula yang dimaknanya.

Contoh Kedua:

اعْتَمُوا تَزْدَاوُوا جُلْمًا

Bermaksud: Berserbanlah kamu, niscaya semakin bertambah kesantunanmu.

Rujukan:

At-Thabaraani – al-Mu`jam al-Kabīr j.1 m/s 194 / j.12 m/s 221, al-Haakim – al-Mustadrak j.4 m/s 214, al-Bazaar – Musnad al-Bazaar (al-Baḥru az-Zakḥār j.3 m/s 362), at-Tirmidzi – al-ʿIlal al-Kabīr m/s 294, al-Baihaqi – Syu`ab al-Iman j.2 m/s 235, Ibnu `Asākir – Tārīkh Dimasyq j. 17 m/s 41, al-Bukhari – at-Tārīkh al-Kabīr j.5 m/s 377, Ibnu Hibbaan – Kitāb al-Majrūḥīn j.4 m/s 487-488, Ibnu `Adi – al-Kāmil Fi Dhu`afa` ar-Rijāl j.6 m/s 61, Ibnu al-Jauzi j.3 m/s 212, adz-Dzahabi – Mīzān al-ʿItidāl

j.5 m/s 6, Ḥāfiẓh Ibnu Ḥajar – Taqrīb at-Taḥdzīb , al-Haitsami – Majma' az-Zawā'id
j.5 m/s 119, asy-Syaukāni – al-Fawā'id al-Majmū'ah m/s 187-188.

Komentar:

(1) Hadits di atas telah dikemukakan oleh at-Thabaraani, al-Haakim dan lain-lain. At-Thabaraani telah mengemukakannya dengan dua sanad. Sanad pertamanya adalah seperti berikut:

حَدَّثَنَا عُيَيْدُ الْعِجْلِيِّ وَعَبْدَانُ بْنُ أَحْمَدَ قَالَا حَدَّثَنَا الْحَسَنُ بْنُ الصَّبَّاحِ الْبَرَّاءُ حَدَّثَنَا أَبُو الْمُؤْنِرِ إِسْمَاعِيلُ بْنُ عُمَرَ حَدَّثَنَا
يُونُسُ بْنُ أَبِي إِسْحَاقَ حَدَّثَنِي ابْنِي عَيْسَى عَنْ عُيَيْدِ اللَّهِ بْنِ أَبِي حُمَيْدٍ عَنْ أَبِي الْمَلِيحِ بْنِ أَسَامَةَ عَنْ أَبِيهِ قَالَ قَالَ رَسُولُ
اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ...

Sanad pertama ini dikatakan berpunca daripada seorang sahabat yang bernama Usamah bin 'Umair, ayah Abul Malih.

Sanad keduanya pula adalah seperti di bawah ini:

حَدَّثَنَا مُحَمَّدُ بْنُ صَالِحٍ بْنُ الْوَلِيدِ النَّرْسِيُّ حَدَّثَنَا هِلَالُ بْنُ بِشْرِ حَدَّثَنَا عِمْرَانُ بْنُ تَمَامٍ عَنْ أَبِي جَمْرَةَ عَنْ ابْنِ عَبَّاسٍ
أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ

Sanad kedua ini pula dikatakan berpunca daripada sahabat Rasulullah s.a.w. yang terkenal 'Abdullah bin 'Abbaas.

(2) Di dalam sanad pertama at-Thabaraani terdapat seorang perawi bernama 'Ubaidullah bin Abi Ḥumaid (nama sebenar Abu Ḥumaid ialah Ghālib) al-Hudzali Abul Khatthāb al-Bashri. Bukhari dan Abu Haatim mengatakan, "Dia seorang perawi munkarul hadits." Pernah juga Bukhari berkata, "Dia meriwayatkan daripada Abi al-Malih banyak perkara pelik."

Imam at-Tirmidzi di dalam al-'Ilal al-Kabīr berkata, aku bertanya Bukhari tentang hadits ini. Kata beliau, "'Ubaidullah bin Abi Ḥumaid adalah seorang dha'if, dzāhibul ḥādīth (perawi yang sangat lemah. Haditsnya tidak boleh dijadikan hujah dan tidak boleh juga dibuat sokongan). Aku tidak meriwayatkan apa-apa daripadanya."

Ahmad dan an-Nasaa'i berkata, "Dia matrūkul hadits." Ibnu Hibbaan berkata, "Seorang yang patut ditinggalkan (tidak diriwayatkan hadits-haditsnya). Orang-orang Bashrah

meriwayatkan daripadanya dengan berkata 'Ubaidullah bin Ghālib, supaya ia tidak dikenali."

Di dalam Kitab al-Majrūhīn pula Ibnu Hibbaan menulis di bawah biografi 'Ubaidullah bin Abi Ḥumaid begini:

"Dia adalah salah seorang perawi yang selalu membolak-balikkan sanad-sanad. Dia juga selalu mengemukakan perkara-perkara yang tidak diragui Ahlul ḥadīts sebagai songsang. Maka patutlah dia ditinggalkan, lantaran banyaknya perkara seperti itu dalam riwayatnya."

Selain 'Ubaidullah itu, di dalam sanad yang sama juga ada Yunus bin Abi Ishaq. Yunus bin Abi Ishaq walaupun diterima oleh sebahagian 'ulama' hadits sebagai perawi ليس به بأس (tidak mengapa dengannya) atau perawi shadūq (perawi yang bertaraf hasan), namun ramai sekali di kalangan mereka yang mendha'ifkannya.

Kata Abu Haatim, perawi shadūq yang tidak boleh dijadikan hujah. Ibnu Khirāsy berkata, pada haditsnya ada kelemahan. Ibnu Ḥazam di dalam al-Muḥallaa berkata, Yahya al-Qatthān dan Ahmad mengatakan dia seorang yang dha'if sangat (ضعيف جدا).

(3) Di dalam sanad kedua at-Thabaraani pula terdapat seorang perawi bernama 'Imraan bin Tamām. Seorang perawi yang sangat lemah. Abu Haatim mengatakan, dia dha'if. 'Abdur Rahman bin Yahya al-Mu'allimi al-Yamāni di dalam Ta'liq al-Fawā'id al-Majmū'ah berkata tentangnya, "Seorang perawi binasa (هالك)." Al-Albāni berkata tentang Muhammad bin Shāleḥ bin al-Walīd an-Narsi guru at-Thabaraani, bahawa: "Aku tidak nampak sesiapa pun ada menyebutnya." Kata-kata beliau ini menunjukkan dia seorang yang tidak masyhur atau majhul di sisi 'ulama' Rijāl hadits.

(4) Al-Haakim juga mengemukakan hadits di atas dengan sanadnya, di dalamnya juga ada 'Ubaidullah bin Abi Ḥumaid. Abul Malīḥ di dalam riwayat beliau tidak mengambil hadits tersebut daripada ayahnya Usāmah bin 'Umair tetapi daripada Ibnu 'Abbaas. Lihat sanad al-Haakim selengkapnya di bawah ini:

حَدَّثَنَا أَبُو أَحْمَدَ بْنُ مُحَمَّدٍ بْنُ أَحْمَدَ بْنِ عَبْدِ اللَّهِ الْمُرَزِي، ثنا أَبُو خَلِيفَةَ الْقَاضِي، ثنا أَبُو الْوَلِيد، ثنا عُبَيْدُ اللَّهِ بْنُ أَبِي حُمَيْدٍ، عَنْ أَبِي الْمَلِيحِ بْنِ أَسَامَةَ، عَنْ ابْنِ عَبَّاسٍ، رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ:

Setelah mengemukakan haditsnya al-Haakim berkata, "Ini adalah hadits yang sahih isnadnya, tetapi mereka berdua (Bukhari dan Muslim) tidak mengemukakannya (di dalam kitab mereka)."

Ĥāfīzh Ibnu Ĥajar mengomentari riwayat-riwayat di atas di dalam Fathul Bārī dengan berkata, "Ia dikemukakan oleh at-Thabaraani dan at-Tirmidzi di dalam al-'Ilal al-Mufradah. Bukhari mendha'ifkannya. Al-Haakim pula mensahihkannya, tetapi beliau tidak tepat dalam pentashiannya. Hadits tersebut mempunyai syahid daripada riwayat Ibnu 'Abbaas di dalam Musnad al-Bazzaar. Tetapi ia juga dha'if."

Adz-Dzahabi di dalam Mukhtashar Talkhīshnya membantah kata-kata al-Haakim itu dengan berkata, "Di dalam sanadnya ada 'Ubaidullah bin Abi Ĥumaid, Ahmad telah mengatakan dia matrūk."

(5) Ibnu 'Adi menerusi sanadnya telah mengemukakan riwayat yang dikemukakan sebagai contoh kedua di atas dengan tambahan lafaz berikut: والعمام تيجان العرب (dan serban itu adalah mahkota orang 'Arab). Sanadnya di bahagian atas sama saja dengan sanad at-Thabaraani yang pertama tadi. Di dalamnya juga ada 'Ubaidullah bin Abi Ĥumaid.

(6) Ibnu al-Jauzi mengemukakan satu lagi saluran riwayat bagi hadits ini. Ia berpunca daripada riwayat al-Khathīb. Begini sanadnya:

أَبَانَا أَبُو مَنْصُور الْقَزَازِ أَبَانَا أَحْمَدُ بْنُ عَلِيٍّ بْنِ ثَابِتٍ أَبَانَا مُحَمَّدُ بْنُ عَبْدِ الرَّحْمَنِ بْنِ عُثْمَانَ الدَّمَشْقِيِّ فِي كِتَابِهِ إِلَيْنَا أَبَانَا خَيْثَمَةُ بْنُ سَلِيمَانَ حَدَّثَنَا عَلِيُّ بْنُ الْحُسَيْنِ الْبَزَازِ حَدَّثَنَا سَعِيدُ بْنُ سَلَامٍ حَدَّثَنَا عُبَيْدُ اللَّهِ بْنُ أَبِي حَمِيدٍ عَنْ أَبِي الْمَلِيحِ عَنْ ابْنِ عَبَّاسٍ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "اعْتَمُوا تَزَادُوا حِلْمًا".

Setelah mengemukakannya Ibnu al-Jauzi berkata, "Ini adalah hadits yang tidak sahih. Ahmad bin Ĥambal berkata, "Sa'id bin Sallām pendusta besar, pendusta besar." 'Ali berkata, "Aku telah membuang haditsnya." Yahya berkata, "Langsung tiada nilainya." Bukhari berkata, "Dia disebut ada mereka hadits." Ad-Daaraquthni berkata, "Perawi matrūk. Dia meriwayatkan banyak kekarutan."

Di dalam sanad ini juga ada 'Ubaidullah bin Abi Ĥumaid. Keadaannya telah pun disebutkan sebelum ini.

(7) Apakah erti الجلم itu sebenarnya? Ia mempunyai beberapa erti yang baik-baik, antaranya: kesantunan (halus budi bahasa atau budi pekerti), sifat sabar, tolak ansur dan ramah ketika marah atau ketika ditimpa bencana, sifat pemaaf, kedewasaan dan kebijaksanaan. Soalnya ialah apakah dengan semata-mata memakai serban sifat-sifat tersebut akan semakin bertambah pada seseorang?

(8) Al-Munāwī di dalam Faidhul Qadīr berkata, “Semua saluran riwayatnya dha’if.” Meskipun beliau tidak menerima semuanya maudhu’.

(9) Menurut para ‘ulama’ hadits, paling baik pun hadits ini bertaraf dha’if sangat. Tidak kurang juga di kalangan mereka yang menghukumnya sebagai maudhu’. Antaranya Ibnu al-Jauzi, asy-Syaukāni, at-Thībi dan lain-lain.

Contoh Ketiga:

Rasulullah s.a.w. dikatakan telah bersabda:

إِنَّ اللَّهَ عَزَّ وَجَلَّ أَمَدَّنِي يَوْمَ بَدْرٍ وَخُنَّيْنِ بِمَلَائِكَةٍ يَعْتَمُونَ هَذِهِ الْعِمَّةَ، فَقَالَ إِنَّ الْعِمَامَةَ حَاجَزَةٌ بَيْنَ الْكُفْرِ وَالْإِيمَانِ.

Bermaksud: Sesungguhnya Allah ‘Azza Wa Jalla telah menolongku pada Hari Badar dan Hunain dengan para malaikat yang berserban dengan cara ini. Kemudian Baginda s.a.w. bersabda: Sesungguhnya serban itu penghalang di antara kufur dan iman.

Rujukan:

Abu Daud at-Thayālisi – Musnad Abi Daud at-Thayālisi j.1 m/s 130, Ibnu ‘Adi – al-Kāmil j.5 m/s 285-286, al-Baihaqi – As-Sunan al-Kubra j.10 m/s 14, Ḥāfīzh Ibnu Ḥajar – al-Mathālib al-‘Aaliyah j.10 m/s 273, al-Baghawi – Mu’jam as-Shaḥābah j.4 m/s 86, as-Suyuthi - al-Jāmi’ as-Shaghīr Wa Ziādatur m/s 349, adz-Dzahabi – Mīzān al-Itidāl j.2 m/s 396-397, al-Albāni – as-Silsilatu ad-Dha’īfah j.7 m/s 54.

Komentar:

(1) Hadits yang dikemukakan sebagai contoh ketiga di atas adalah sebahagian daripada hadits yang agak panjang. Ia dengan sanad dan matan selengkapnyanya berdasarkan riwayat Abu Daud at-Thayālisi adalah seperti berikut: